

**CABARAN TOLERANSI SOSIAL MENERUSI KEPELBAGAIAN  
AGAMA DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA**

Muhammad Daniel Mohd Sahid<sup>1</sup>, Anas Zahideen Mohammad Ghazali<sup>1</sup>, Maisarah Yasmin Ishak<sup>1</sup>, Mohamad Dhiya Zulkarnain Edy<sup>1</sup>, Muhammad Danial Hakimi Mohd Yazid<sup>1</sup>, Nur Syakilla Asyiqin Hasan<sup>1</sup>, Nur Elliya Maslina Mazli<sup>1</sup> & Asma' Wardah Surtahman<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
Cawangan Melaka, 78000 Alor Gajah, Melaka

<sup>2\*</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA  
(UiTM), Cawangan Melaka, 78000 Alor Gajah, Melaka

\* [asmawardah@uitm.edu.my](mailto:asmawardah@uitm.edu.my) (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v8i1.7388>

**Abstrak**

**E-JITU**

Acceptance date:  
15 February 2025

Valuation date:  
22 March 2025

Publication date:  
30 April 2025

*Malaysia merupakan negara yang kaya dengan kepelbagaian etnik, budaya dan agama. Kepelbagaian ini menjadi ciri identiti kebangsaan dan asas kepada perpaduan negara. Namun, ia juga membuka ruang kepada cabaran dalam mengekalkan toleransi sosial yang stabil, terutama apabila berlaku ketidakseimbangan dalam pemahaman, penghormatan dan interaksi antara agama. Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan keterbukaan media sosial, pelbagai isu sensitif yang berkaitan agama mudah tersebar dan mencetuskan reaksi yang negatif. Ketegangan ini tidak hanya berpunca daripada ketidaktahuan, tetapi turut diperburuk oleh sikap ekstremis, naratif politik sempit dan kurangnya pendidikan dan penghormatan terhadap penganut agama yang berbeza. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kes dan literatur semasa. Dapatan menunjukkan bahawa isu penghinaan agama, prejudis antara kaum, dan eksploitasi isu agama boleh menghakis keharmonian sosial. Artikel ini mencadangkan solusi berbentuk pemerkasaan terhadap dialog antara agama terutama di institusi pendidikan. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang lebih saling menghormati dan harmoni.*

**Kata Kunci:** Toleransi Sosial, Agama, Etika, Masyarakat Majmuk, Kepelbagaian Agama.

**THE CHALLENGE OF SOCIAL TOLERANCE IN THE CONTEXT OF  
RELIGIOUS DIVERSITY IN MALAYSIA'S PLURAL SOCIETY****Abstract**

*Malaysia is a nation rich in ethnic, cultural, and religious diversity. This plurality constitutes a key element of national identity and serves as a foundation for social cohesion. However, it also presents ongoing challenges in sustaining stable social tolerance, particularly when disparities arise in mutual understanding, respect, and interreligious interaction. With the proliferation of information technology and the openness of social media platforms, sensitive religious issues can easily circulate and provoke adverse reactions. These tensions are not merely the result of ignorance but are often exacerbated by extremist ideologies, narrow political narratives, and inadequate education on interfaith respect. This study adopts a qualitative approach through case analysis and a review of current literature. The findings reveal that religious defamation, ethnic prejudice, and the politicization of religion contribute significantly to the erosion of social harmony. This article proposes interfaith dialogue especially in education institutions as key strategies for addressing these challenges. It is hoped that the study contributes to the cultivation of a more respectful, inclusive, and harmonious society.*

**Keywords:** *Social Tolerance, Religion, Ethics, Plural Society, Religious Diversity.*

**PENGENALAN**

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mempunyai kepelbagaian dari sudut agama, etnik, dan budaya. Kepelbagaian ini menjadi kekuatan utama serta keunikan Malaysia sebagai sebuah negara unik yang kekal teguh di rantau Nusantara. Hasil daripada diversiti ini juga menjadikan Malaysia sebagai negara yang penuh dengan kebudayaan, adat resam, dan kepercayaan yang berbeza-beza mengikut kelompok masyarakat yang dapat dikelaskan kepada beberapa etnik kumpulan utama seperti Melayu, Cina, India, dan lain lain. Namun begitu, kepelbagaian ini juga telah menjadi titik pertembungan dan konflik, terutamanya melibatkan isu kefahaman serta kepekaan terhadap perbezaan anutan agama sesama rakyat. Hampir semua agama utama dunia ada di negara ini. Perangkaan penduduk dan agama di Malaysia pada tahun 2020 menyatakan bahawa Islam mempunyai pengaruh yang paling ramai, mewakili 63.5 peratus, daripada keseluruhan penduduk. Diikuti dengan penganut Buddha sebanyak 18.7 peratus, Kristian 9.1 peratus, Hindu 6.1 peratus, yang tidak beragama sebanyak 1.8 peratus, dan lain-lainnya 0.9 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Dalam Islam, agama tidak hanya bersifat kepercayaan semata-mata, tetapi juga menekankan etika sosial dan hubungan harmoni dalam kehidupan sejagat. Daripada Riwayat Muslim (55), Abu Daud (4944), dan al-Nasa'i (7/156):

وَعَامَّتَهُمْ، الْمُسْلِمِينَ وَالْأَيْمَةَ، وَلِرَسُولِهِ، وَلِكِتَابِهِ، وَاللَّهِ: قَالَ لِمَنْ؟ : قُلْنَا، النَّصِيحَةُ الدِّينِ

Maksudnya: Agama itu merupakan nasihat. Kami bertanya: “Bagi siapa?” Baginda bersabda: “Bagi Allah, Kitab-Nya, Rasul-Nya, pemimpin-pemimpin orang Islam dan masyarakat semuanya.” [Riwayat Muslim (55), Abu Daud (4944), dan Al-Nasa’i (7/156)]

Setiap agama besar dan kepercayaan di Malaysia mempunyai sistem nilai yang berbeza dalam membentuk keperibadian penganutnya (Hashim et al. 2022). Islam, sebagai agama persekutuan, menekankan prinsip tauhid, keadilan sosial, etika dan nilai dalam perbincangan akhlak. Akhlak merupakan tingkah laku manusia yang tercerminkan daripada apa yang telah tertanam di dalam jiwa (Hashim et al. 2022). Walaupun Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan beragama di bawah Artikel 11, realiti sosial menunjukkan bahawa hak ini sering kali dicabar oleh diskriminasi, stereotaip dan sentimen perkauman yang dilatari oleh perbezaan agama. Ketidakstabilan ini menjadi lebih kritikal apabila isu-isu agama disensasikan oleh pihak berkepentingan untuk tujuan politik atau keuntungan peribadi. Maka, penting untuk mengenal pasti punca utama cabaran terhadap toleransi sosial serta meneroka pendekatan penyelesaian yang mampu mendidik masyarakat dan memelihara keharmonian nasional.

#### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Dalam konteks kepelbagaian agama, isu penghinaan antara agama jelas menggambarkan kerapuhan etika masyarakat, khususnya dalam interaksi antara penganut agama di Malaysia. Situasi ini sejajar dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, yang mendedahkan bahawa 261 laporan penghinaan terhadap Islam dan Hindu telah diterima. Laporan tersebut merangkumi pelbagai kes termasuk kenyataan berbau provokasi oleh pendakwah, penyampai radio, serta individu yang menyebarkan kata-kata lucuh terhadap agama menerusi media sosial (Sinar Harian, 2025).

Selain itu, isu penggunaan kalimah Allah pada stokin yang dijual di pasar raya KK Mart pada tahun 2024 turut mencetuskan kemarahan masyarakat Islam di Malaysia terutamanya di media sosial sehingga sentimen perkauman turut dimainkan. Sebagai contoh, pemilik akaun X bernama @zarif0223 menulis, “Orang Cina, mana sensitif dekat bangsa lain”, menunjukkan wujudnya ketegangan antara rakyat akibat insiden ini. Kalimah Allah yang dianggap suci dalam Islam tidak sepatutnya digunakan pada barangan seperti stokin yang boleh mencemarkan kesuciannya. Walaupun pihak pengurusan KK Mart telah memohon maaf secara terbuka, isu ini tetap mengundang reaksi tegas daripada pelbagai pihak termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang memberi amaran agar perkara seperti ini tidak dipandang remeh (Bernama, 2024).

Baru-baru ini isu pembinaan kuil haram adalah satu lagi contoh pelanggaran etika dalam masyarakat berbilang agama. Istilah kuil haram merujuk kepada kuil yang dibina di atas tanah yang bukan merupakan hak persendirian pihak yang membangunkan kuil, atau tanah yang dirampas tanpa persetujuan. Salah satu isu terkini yang mencuri perhatian adalah pembinaan kuil Hindu secara haram di atas tanah wakaf Jakel, yang dikhususkan secara jelas untuk pembinaan masjid. Dr. Shamsheer Singh Thind, seorang peguam, menegaskan bahawa kebebasan beragama tidak boleh digunakan untuk mencerooboh hak milik orang lain, khususnya tanah yang diwakafkan untuk tujuan agama Islam

(MalaysiaGazette, 2025). Tindakan membina kuil di atas tanah wakaf ini jelas menggambarkan kegagalan pihak yang terlibat untuk beretika dalam konteks hidup bermasyarakat majmuk memandangkan ia mencerminkan satu bentuk pelanggaran prinsip hormat-menghormati antara agama, lebih-lebih lagi apabila melibatkan tanah wakaf yang dianggap suci dan khusus oleh masyarakat Islam. Susulan dari kes ini, ramai pengguna media sosial memperdebatkan isu ini sehingga ada yang bertindak di luar etika dan menghina kesucian agama hindu. Contohnya seperti pengguna X dengan nama pengguna @AkmalHakin yang meninggalkan komen “Tuhan you ajar you mencuri tanah orang” di bawah satu hantaran kes ini. Ini menunjukkan isu ini menjejaskan hubungan harmoni antara masyarakat Islam dan Hindu.

Isu larangan azan yang muncul di Selangor pada tahun 2021 dan Pulau Pinang pada tahun 2023, adalah dua lagi contoh jelas kemerosotan toleransi sosial dalam masyarakat. Ketegangan tercetus dalam kalangan penduduk di sebuah taman perumahan di Bandar Puncak Alam, Selangor, berhubung keputusan melarang penggunaan pembesar suara ketika azan. Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Mohd Shaid Rosli, pihak surau dilarang menggunakan pembesar suara untuk melaungkan azan melainkan setelah mendapat kebenaran melalui Mesyuarat Agung Tahunan, (Amirul Aiman Hamsuddin, 2021). Walaupun pembesar suara mudah alih dibenarkan untuk digunakan di surau, umat Islam setempat tidak berpuas hati dengan tindakan ini kerana mereka melihatnya sebagai satu tindakan yang menyekat hak mereka dalam kebebasan beragama. Kejadian yang sama juga berlaku di Pulau Pinang, di mana isu laungan azan sekali lagi dihidupkan semula. Ini mendorong Datuk Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor, Mufti Pulau Pinang, untuk mengingatkan semua orang bahawa isu sebegini tidak boleh dijadikan bahan perbalahan dalam masyarakat bertamadun dan bermoral (Ramli, 2023). Insiden-insiden ini jelas memperlihatkan bahawa ketidakupayaan masyarakat untuk menghormati kepercayaan agama lain boleh membawa kepada rapuhnya keharmonian sosial serta mencerminkan hakisan nilai-nilai etika dalam kehidupan beragama.

## **SOROTAN LITERATUR**

Terdapat beberapa kes yang menunjukkan keretakan hubungan antara penganut agama. Isu-isu ini sebenarnya telah lama wujud. Banyak kejadian sepanjang sejarah telah menunjukkan ketidakupayaan rakyat dalam mengendalikan kepelbagaian secara beretika, yang juga menjadi pemangkin kepada timbulnya permusuhan terhadap kepercayaan agama lain dalam masyarakat. Salah satu kes lampau ialah Insiden Natrah 1950 di Singapura, di mana terdapat ketegangan kaum dan agama yang sengit antara penduduk Islam dan Kristian. Dalam kes ini, rusuhan telah tercetus susulan keputusan mahkamah untuk menyerahkan kembali Natrah, seorang gadis Belanda yang telah memeluk Islam dan berkahwin secara sah dengan seorang lelaki Melayu, kepada ibu kandungnya yang beragama Kristian (Abdul Halim, 2014; Aziz, 2013). Walaupun rusuhan ini merentasi garis geografi, gelombang kemarahan dan protes yang kuat juga timbul daripada masyarakat Islam di Tanah Melayu memperlihatkan sejauh mana sensitiviti keagamaan boleh mencetuskan perbalahan. Rusuhan lain yang juga telah membuka ruang persepsi kebencian antara kaum dan agama ialah Rusuhan Mei 1969. Rusuhan ini berlaku selepas Pilihan Raya Umum 1969 di mana parti-parti pembangkang seperti Parti Gerakan dan DAP memperoleh kemenangan besar, menyebabkan ketegangan antara komuniti Melayu

dan Cina, yang akhirnya membawa kepada rusuhan kaum di Kuala Lumpur (Perdana Leadership Foundation, 2023; Malaysian Bar, 2015). Walaupun tragedi ini lebih berfokuskan kepada ketegangan antara kaum, insiden ini membuktikan dengan jelas bahawa kegagalan rakyat dalam mengamalkan etika hidup bermasyarakat majmuk telah lama wujud.

Toleransi sosial merujuk kepada penerimaan dan sikap terbuka terhadap kepelbagaian dalam masyarakat. Dalam konteks Malaysia, ia bermaksud kemampuan rakyat pelbagai agama dan etnik untuk hidup bersama secara damai walaupun berbeza dari segi kepercayaan. Menurut Husin dan Dawi (2019), pembentukan perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah perlu diperkukuhkan menerusi sistem pendidikan yang menanam nilai hormat terhadap agama lain. Kajian oleh Chua dan KOMAS (2022) menunjukkan peningkatan insiden diskriminasi agama dalam laporan tahunan mereka, menandakan wujudnya trend yang membimbangkan dalam masyarakat.

Perkara yang lebih membimbangkan adalah masyarakat pada hari ini lebih mudah percaya akan sebarang maklumat sensasi tanpa melaksanakan pemeriksaan yang teliti seperti mengesahkan sumber maklumat dan menyelidik latar belakang penyebar maklumat. Hal ini selari dengan pendapat Firdaus Wong Abdullah yang menyatakan bahawa masyarakat lebih cenderung untuk mempercayai maklumat yang disebarkan oleh individu berpengaruh walaupun tanpa bukti yang sahih (Fahmi, A. R., 2023). Selain itu, pengguna media sosial juga rata-ratanya gagal membezakan di antara kebebasan bersuara dan penyebaran kebencian. Kurangnya pendedahan yang kukuh terhadap sensitiviti kepelbagaian anutan agama di Malaysia membuatkan segelintir individu lebih mudah terjebak dengan isu penyalahgunaan platform ini dengan tindakan yang menyinggung perasaan penganut agama lain.

Media sosial pula dilihat sebagai punca utama penyebaran mesej kebencian agama. Kadir (2024) melaporkan peningkatan 123 peratus isu 3R dalam suku pertama tahun 2024, manakala Johar (2024) menegaskan bahawa taasub agama secara membuta tuli merupakan antara bentuk ekstremisme paling merbahaya. Tambahan pula, Tan et al. (2022) mengaitkan ketidakstabilan politik dan sosial dengan kemerosotan pelaburan asing, yang secara langsung memberi kesan kepada kestabilan ekonomi negara. Oleh itu, sorotan literatur menunjukkan bahawa isu toleransi agama bukan sekadar masalah sosial, tetapi mempunyai implikasi luas terhadap keselamatan dan pembangunan negara.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap laporan media, dokumen NGO, dan artikel akademik yang relevan. Data dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti punca, implikasi dan strategi penyelesaian terhadap ketidakstabilan toleransi sosial. Analisis ini juga menilai peranan institusi pendidikan, media, masyarakat sivil dan dasar kerajaan dalam menangani isu tersebut. Pemilihan kaedah ini adalah bersesuaian dengan sifat isu yang kompleks, bersifat subjektif dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor sosio-politik.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan tinjauan literatur dan laporan kes semasa, beberapa faktor utama telah dikenalpasti menyumbang kepada ketidakstabilan toleransi sosial menerusi kepelbagaian agama:

### Penyebaran Sensitiviti Agama di Media Sosial

Media sosial telah menjadi platform di mana pengiktirafan sering diperoleh berdasarkan jumlah suka atau likes, pengikut atau followers, dan pelanggan atau subscribers, serta lain-lain istilah yang membawa maksud yang sama. Ini menambahkan lagi keinginan segelintir individu untuk menyebarkan kandungan tidak bermoral, provokatif, dan mencetus kontroversi semata-mata untuk mendapatkan tontonan yang tinggi tanpa memikirkan kesan jangka panjang kepada perpaduan kaum dan agama di Malaysia. Hal ini terbukti apabila pihak polis telah mula melaksanakan pemantauan terhadap akaun media sosial yang sengaja memainkan sentimen agama dan kaum (Sinar Harian, 2023). Contohnya, tindakan seorang individu merosakkan kolaj dirakam dan disebar. Bukankah lebih baik diselesaikan secara berhemah dan tertutup? Ini menunjukkan situasi ini berada di tahap yang kritikal apabila media sosial mula dijadikan wadah menyebarkan kebencian bagi mendapatkan perhatian umum demi meraih jumlah likes yang berterusan. Firman Allah SWT;

وَالْبَغْضَاءُ الْعَدَاوَةَ بَيْنَكُمْ يُوَقِّعُ أَنْ الشَّيْطَانُ يُرِيدُ إِنَّمَا

**Maksudnya:** Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu.

[Surah al-Maidah: 91]

Berdasarkan ayat di atas, Islam jelas melarang sebarang tindakan yang menjurus kepada penyebaran kebencian dan yang mencetuskan permusuhan. Namun, realiti dunia kini jelas menunjukkan perkembangan teknologi komunikasi yang pesat tidak selaras dengan peningkatan kesedaran sivik dalam diri masyarakat. Keghairahan untuk mendapatkan pengaruh di media sosial mengatasi kepentingan mengekalkan hubungan yang harmoni di antara kaum sehingga mengarah kepada kemerosotan etika dalam masyarakat.

Pemisahan Aliran Pendidikan dan Keberkesanan Pendidikan Antara Agama (Interfaith Education)

Runtuhnya tembok toleransi, dan etika dalam hidup kepelbagaian pada hari ini juga berpunca daripada wujudnya perbezaan dari segi aliran pendidikan serta kurangnya keberkesanan pendidikan lintas agama di Malaysia (Selvadurai, 2024). Di Malaysia, institusi pendidikan dapat dikategorikan kepada tiga pecahan utama bermula daripada pendidikan formal, tidak formal, dan informal. Di peringkat pendidikan formal, kewujudan sekolah jenis kebangsaan memberikan peluang yang berbeza kepada pelajar untuk mendapatkan pendidikan di sekolah-sekolah yang mereka mahukan, yang seterusnya menyumbang kepada kurangnya interaksi antara pelajar yang berlainan kaum

dan agama (ISIS Malaysia, 2024). Pada dasarnya, sekolah-sekolah jenis kebangsaan banyak menempatkan pelajar yang terdiri daripada kelompok kaum yang sama di dalam satu sekolah. Contohnya, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang majoritinya menempatkan pelajar kaum Cina, dan Sekolah Jenis Kebangsaan India (SJKT) yang menempatkan pelajar kaum India sahaja dengan amalan dan anutan agama masing-masing. Sekolah Kebangsaan (SK) pula merupakan sekolah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama yang memberikan pendidikan kepada pelajar tanpa mengira kaum, dalam usaha mewujudkan perpaduan. Namun, usaha ini masih belum sepenuhnya cukup dalam memelihara etika masyarakat dalam kehidupan pelbagai, lebih-lebih lagi dengan kewujudan sekolah vernakular yang menyebabkan kurangnya interaksi antara pelajar yang berlainan kaum dan agama (Mohtar & Lim, 2020). Hal ini menyekat para pelajar untuk lebih mengenali dan menghormati agama serta kaum lain pada peringkat usia yang awal (CNA, 2024).

Kurangnya pendidikan antara agama bermaksud kurangnya pendedahan, pemahaman, atau pembelajaran secara formal dan tidak formal tentang kepercayaan, amalan, dan nilai agama lain yang wujud dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Silibus pendidikan di sekolah-sekolah kini terlalu umum dan hanya berfokuskan kepada satu agama sahaja yang menyebabkan wujudnya jurang persefahaman antara pelajar berbilang agama. Dalam kajian oleh Nur Ayuni Nusaibah Husin & Amir Hasan Dawi (2019) yang menegaskan bahawa sistem pendidikan semasa kurang menekankan pemahaman antara agama secara langsung dan telah menyukarkan usaha membentuk persefahaman, dan perpaduan serta kesefahaman dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian juga menunjukkan bahawa guru sering mengabaikan Pendidikan lintas agama dan memandang remeh terhadap kepelbagaian budaya dan agama dalam pengajaran mereka, terutamanya di sekolah yang mempunyai populasi etnik yang sama. Situasi ini menghalang pelajar daripada terdedah kepada nilai, etika, dan amalan baik agama lain. Ini menghalang proses pembentukan nilai dan sikap kebersamaan dan toleransi di usia muda.

Laporan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menekankan betapa pentingnya guru di sekolah rendah mendedahkan murid mereka kepada kepelbagaian budaya dan agama supaya mereka lebih bersedia untuk hidup dalam persekitaran sekolah menengah yang pelbagai. Pelajar mungkin berasa tidak selesa atau kekok apabila berinteraksi dengan rakan-rakan yang berlainan latar belakang agama dan budaya tanpa usaha sedemikian. Oleh itu, guru mesti mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk meningkatkan sensitiviti pelajar terhadap kepelbagaian budaya dan agama dan untuk membantu mewujudkan integrasi sosial yang lebih kukuh di sekolah. (Omar H. & Harom Z. & Kamri K. A., 2018).

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan dapatan di atas, sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan segera, maka, ia akan memberi implikasi buruk kepada Masyarakat negara. Berikut adalah impak daripada ketidakstabilan toleransi sosial di Malaysia akibat kesalahfahaman terhadap agama iaitu:

### **Perpecahan Etnik dan Ketegangan Antara Kaum**

Kemerosotan etika yang berlaku memberi impak ketara terhadap perpaduan dan keharmonian masyarakat. Hal ini dapat disaksikan dengan jelas apabila individu yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza dari segi warna kulit, budaya dan agama lebih cenderung untuk hidup secara berkelompok. Tambahan pula, penyebaran kebencian di media sosial semakin melebar jurang antara kaum melalui maklumat berunsur provokatif sehingga menimbulkan salah faham dan kekeliruan (Astro Awani, 2025). Perkara ini menjurus kepada hilangnya kepercayaan dan semangat perpaduan apabila masyarakat kini lebih selesa untuk berinteraksi dengan individu yang serupa dari segi etnik, agama dan budaya. Ini jelas membuktikan bahawa Masyarakat semakin berpecah-belah dan menjaga kepentingan peribadi agama tersendiri, tanpa menghiraukan kelompok lain yang berbeza agamanya.

Kekerapan isu keagamaan dibangkitkan di media sosial turut menimbulkan sikap prejudis dan stereotaip yang tinggi di antara kaum. Penyentuhan isu sensitiviti agama serta kemahiran dalam memanipulasikan maklumat agar lebih menarik, demi kepentingan diri menjurus kepada tercetusnya rasa amarah serta menyemarakkan lagi perasaan benci dalam masyarakat terhadap etnik dan bangsa lain. Kenyataan berunsur kebencian yang disebarkan cenderung memperkukuhkan stereotaip negatif, meningkatkan prasangka serta menyebabkan perpecahan antara kumpulan etnik dan agama (Hafeezur, M. , 2024). Tanpa kawalan sendiri serta kepekaan terhadap isu ini, media sosial kini menjadi pemangkin kepada berlakunya ketegangan dengan timbulnya pergaduhan sama ada di alam maya mahupun fizikal. Situasi ini disaksikan dengan jelas daripada isu pembalingan bom petrol di KK Mart, yang menghina agama Islam dengan penjualan stokin bertulisan kalimah Allah.

Kekerapan isu keagamaan dibangkitkan di media sosial turut menimbulkan sikap prejudis dan stereotaip yang tinggi di antara kaum. Penyentuhan isu sensitiviti agama serta kemahiran dalam memanipulasikan maklumat agar lebih menarik, demi kepentingan diri menjurus kepada tercetusnya rasa amarah serta menyemarakkan lagi perasaan benci dalam masyarakat terhadap etnik dan bangsa lain. Kenyataan berunsur kebencian yang disebarkan cenderung memperkukuhkan stereotaip negatif, meningkatkan prasangka serta menyebabkan perpecahan antara kumpulan etnik dan agama (Hafeezur, M. , 2024). Tanpa kawalan sendiri serta kepekaan terhadap isu ini, media sosial kini menjadi pemangkin kepada berlakunya ketegangan dengan timbulnya pergaduhan sama ada di alam maya mahupun fizikal. Situasi ini disaksikan dengan jelas daripada isu pembalingan bom petrol di KK Mart, yang menghina agama Islam dengan penjualan stokin bertulisan kalimah Allah.

### **Ketidakstabilan Politik dan Ekonomi**

Ketidakstabilan etika dan toleransi sosial antara agama dalam kehidupan masyarakat bukan sahaja boleh mengganggu keharmonian, malah turut memberi impak yang besar terhadap kestabilan politik dan ekonomi. Pucuk pangkalnya, apabila berlaku ketegangan atau konflik antara komuniti agama, ia juga akan mencetuskan ketidakpercayaan sesama rakyat dan pemerintah, serta sesama para pemerintah itu sendiri. Perkara ini boleh

mengganggu proses dasar awam, perancangan pembangunan, serta menjejaskan kestabilan sistem politik sedia ada (Ramli Dollah, 2013). Buktinya, isu azan yang sering kali berlaku di negara ini bukan sahaja menimbulkan isu perkauman dan kekusaran awam, malah turut memberi kesan terhadap perpaduan dalam kalangan ahli politik. Pada tahun 2011, seorang ahli MCA, Ng Kian Nam, mencetuskan kontroversi apabila beliau membuat aduan mengenai azan yang didakwa terlalu kuat di Bukit Kerinchi. Walaupun beliau kemudiannya memohon maaf secara terbuka, insiden ini tetap mengundang pelbagai reaksi negative (Malaysiakini, 2011). Tony Pua, ahli politik DAP membidas kerajaan kerana didakwa mengamalkan dwi standard dalam menangani isu tersebut, berbanding kes melibatkan ahli pembangkang seperti Teresa Kok yang pernah dituduh tanpa bukti cuba menyekat laungan azan yang akhirnya ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) (Malaysiakini, 2011). Keadaan ini menunjukkan bagaimana isu keagamaan boleh dimanipulasi secara politik dan menggugat persefahaman antara pemimpin berbilang kaum dan agama, sedangkan mereka sepatutnya bekerjasama dalam memajukan Malaysia dalam pelbagai aspek ekonomi.

Dalam konteks ekonomi, kurangnya prinsip inklusiviti masyarakat boleh mencetuskan persepsi dalam kalangan pelabur asing bahawa Malaysia tidak stabil dari segi sosial. Pelabur asing, yang kebanyakannya terdiri daripada pelbagai latar belakang agama dan budaya yang berbeza, mungkin akan menjadi kurang yakin untuk melabur di Malaysia akibat daripada ketegangan yang wujud sesama rakyat. Ketidaktentuan politik juga dianggap berisiko tinggi oleh pelabur, kerana boleh menjejaskan kestabilan pasaran, keselamatan operasi, serta dasar kerajaan yang berkait dengan ekonomi. Akibatnya, kadar pelaburan akan berkurangan, peluang pekerjaan semakin mengecil, dan pertumbuhan ekonomi negara juga akan terbantut, dan menjadi semakin perlahan (Tan et al., 2022).

Selain itu, apabila berlaku konflik antara kumpulan masyarakat, kerajaan juga terpaksa menumpukan lebih banyak perhatian dan mengeluarkan pelbagai sumber untuk mengurus ketegangan tersebut melalui penguatkuasaan undang-undang, kawalan keselamatan, dan program pemulihan. Hal ini menyebabkan fokus terhadap pembangunan ekonomi jangka panjang yang lebih penting terjejas. Ketidakstabilan ini juga boleh mewujudkan polarisasi politik apabila parti-parti tertentu mengeksploitasi sentimen perkauman atau agama untuk meraih sokongan. Ini akan menyebabkan perpecahan masyarakat semakin melebar dan menjejaskan demokrasi yang sihat (Ghazali, 2021).

Islam sebagai agama rahmatan lil-'alamin menolak segala bentuk perpecahan dan ketidakstabilan yang boleh memudaratkan masyarakat. Islam menekankan nilai keadilan, kesatuan, dan tanggungjawab bersama dalam membina sebuah negara yang makmur dan aman. Dalam surah Al-Hujurat ayat 13, Allah SWT berfirman:

﴿ أَتَقَاتَمُ اللَّهُ عِنْدَ أَكْرَمِكُمْ إِنَّ ۖ لَتَنَارُ فُؤَا وَقَبَائِلَ شُعُوبًا وَجَعَلْنَاكُمْ وَأَنْتَى ذَكَرٍ مِّنْ خَلْقِنَاكُمْ إِنَّا النَّاسُ أُيُّهَا يَا

Maksudnya: Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu saling mengenali. Sesungguhnya yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa antara kamu.

Ayat ini menekankan bahawa perbezaan antara manusia bukanlah untuk bermusuhan, tetapi untuk saling memahami, bertoleransi dan hidup dalam harmoni. Ketidaktoleranan yang berpanjangan akan menghilangkan keberkatan dalam kepimpinan dan memusnahkan asas kemakmuran negara.

Oleh yang demikian, bagi menggalakan toleransi terhadap kepelbagaian agama, Kerajaan Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam memupuk keharmonian antara agama dengan melaksanakan dasar dan program khas yang menggalakkan interaksi antara pemimpin serta komuniti pelbagai agama. Beberapa contoh pelaksanaan program berkonsepkan dialog antara agama di Malaysia adalah Program Dialog Keharmonian Antara Penganut Agama yang telah berlangsung di Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), pada 5 Mei 2017 bersempena karnival kemukjizatan al-Quran peringkat kebangsaan. Barisan panel dalam program tersebut merangkumi En. Vidyananda K.V. Soon sebagai wakil agama Buddha, Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin mewakili agama Islam, Dr. M. Bala Thamalingam mewakili agama Hindu, serta Prof. Dr. Esther Gnanamalar Sarojini A. Daniel sebagai wakil agama Kristian. Sesi dialog itu telah dikendalikan oleh Prof. Dr. Zaid Ahmad dari Universiti Putra Malaysia. IKIM dengan kerjasama Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR University College) juga mengadakan program serupa sebelumnya pada 4 April 2017, dimana aspek kelestarian dijadikan tema utama dalam dialog ini. Negeri Selangor pada tahun 2022 juga telah mengadakan Konvensyen Dialog Antara Agama yang bertemakan “Tadbir Urus Baik Sebagai Teras Perpaduan Masyarakat Pelbagai Agama”, dalam usaha untuk memanfaatkan kelebihan, peluang serta menambah baik cabaran yang wujud antara kaum dengan tata kelola yang baik dalam aspek pengurusan dan pentadbiran (Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia, 2021).

Manakala, di peringkat institusi pendidikan, pendidikan antara agama melalui modul formal dan kokurikulum harus diperkasakan lagi. Pendidikan lintas agama ini boleh dijadikan salah satu langkah untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar, dan meningkatkan pemahaman mereka terhadap nilai, etika, dan asas kepercayaan agama yang pelbagai di dunia ini. Dengan ini, nilai kefahaman, perpaduan, tolak ansur, dan saling hormat-menghormati antara masyarakat dapat dipupuk sejak awal, bermula di bangku sekolah. Kerjasama yang menyeluruh antara Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), NGO perlu diperkukuhkan lagi bagi membangunkan modul pendidikan yang berimpak tinggi secara langsung dan tidak langsung. Kerajaan juga perlu menambah baik silabus lintas agama sedia ada bagi memastikan tiada kandungan yang boleh menyebabkan salah faham agama. Pihak sekolah, dan institusi pendidikan tinggi juga boleh menubuhkan kelab kokurikulum bertemakan perpaduan dan kefahaman antara agama, dimana aktiviti seperti lawatan ke rumah ibadat berlainan agama, forum pelbagai kepercayaan, dan projek yang melibatkan komuniti bersama sebagai inisiatif di bawah modul ini. Langkah ini berupaya untuk memberi impak yang besar dalam memperkasakan pendidikan nilai kehidupan sebenar dan dapat mengukuhkan jati diri pelajar sebagai warganegara yang beretika.

Pelaksanaan program dialog antara agama yang lebih proaktif dan berstruktur perlu dipertingkatkan dengan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya golongan belia. Forum-forum antara agama ini wajar dilaksanakan secara berkala di institusi pendidikan, komuniti setempat, dan juga platform nasional seperti Parlimen Belia dan Rukun Tetangga. Tujuan utama inisiatif ini untuk menyampaikan maklumat, membuat perbincangan terbuka mengenai kepercayaan masing-masing dengan lebih berkesan sambil mendidik Masyarakat agar lebih menghormati agama lain. Latihan khusus perlu disediakan kepada pendidik dan pemimpin agama supaya mereka dapat memimpin dialog dengan pemahaman yang mendalam. Selain itu, penyertaan aktif golongan muda melalui program kesedaran seperti kem anjuran NGO dan pameran keagamaan juga digalakkan. Apabila golongan muda didedahkan sejak awal kepada kepelbagaian dan etika antara agama, mereka lebih cenderung membentuk pandangan yang rasional, adil, dan matang. Kesannya masyarakat akan lebih bersedia dalam menghadapi dan menyelesaikan isu-isu yang melibatkan sensitiviti agama secara damai dan beretika.

## **KESIMPULAN**

Toleransi sosial dalam masyarakat majmuk Malaysia adalah tunjang kepada kestabilan dan kemajuan negara. Namun, cabaran yang semakin kompleks menuntut usaha kolektif daripada semua pihak termasuk kerajaan, institusi pendidikan, media, NGO dan individu. Kajian ini menegaskan bahawa pendekatan berbentuk pendidikan, dialog dan dasar yang inklusif dapat memperkukuhkan persefahaman dan mengurangkan ketegangan antara agama. Masa depan Malaysia yang harmoni bergantung kepada kemampuan kita untuk menerima dan menghormati perbezaan.

Secara keseluruhannya, usaha untuk memperkukuh etika antara agama di Malaysia memerlukan kerjasama yang padu daripada pelbagai pihak, bermula dari institusi pendidikan, pemimpin agama, kerajaan, NGO, dan sehinggalah penglibatan dan sokongan daripada masyarakat umum. Langkah yang sistematik dan inklusif amat penting dalam usaha menstabilkan semula tingkah laku, memupuk nilai murni, merapatkan jurang kefahaman, serta membentuk identiti nasional yang bersifat terbuka dan saling menghormati dalam diri masyarakat. Justeru itu, usaha memperkukuh etika tidak boleh dianggap sebagai pilihan, tetapi satu keperluan demi menjamin masa depan yang lebih aman.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua ahli kumpulan yang telah memberikan kerjasama, komitmen dan sokongan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Segala usaha dan sumbangan idea amatlah dihargai dan menjadi pemangkin kejayaan kajian ini dilaksanakan dengan baik.



**RUJUKAN**

- Ahmad Sunawari Long, (2009). *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Abdul Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aidil Syukri Bin Shaari. (2019). The Factors That Influence Intention to Subscribe With Takaful Among Public Servant in Perlis. Tesis MA UUM.
- Azarudin bin Awang, Luqman Hakim bin Mohamad, Ahmad Faizal bin Ramly & Che Norzila binti Sulong. (2022). Pengaruh Pengetahuan Terhadap Persepsi Guru Dalam Memilih Manfaat Insurans Konvensional Dan Takaful: Kajian Di Tanah Merah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 7 (47),
- Muhamad Mu'izz Bin Abdullah, Mohamad Fadzil Bin Mohamad dan Muhaimin Bin Yaakob. (2020). Pelaksanaan Amanah Takaful Di Malaysia: Analisis Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 5(30), 1-12.
- Muhammad bin Ismail Abu °Abd Allah Al-Bukhari. (1972). *Jami°Al-Sahih*. Qaherah: Al-Matba°ah al Salfiyah Wa maktabahah.
- Ngah, H.C., Rashid, K. M., & Mansor, N. (2016). Determinants of Customer Satisfaction in Takaful Products and Services. *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*, 7-15.
- Syazwani Mohd Bakri, Norimah Rambeli@Ramli, Emilda Hashim, Nurhanani Binti Romli, Noor Al-Huda Abdul Karim & Norazrin Amirah Sulaiman. (2018). Faktor Penyertaan Perbelanjaan Insurans dalam Kalangan Isi Rumah Berpendapatan Terendah (B40). *Management Research Journal* 7 (1), 59-74.